



Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab

Ruj. Kami : MDT 1/9/43 JILID 7(1)
Tarikh : 10 Jun 2025

SENARAI EDARAN SEBAGAIMANA DI LAMPIRAN

YB. Dato'/Tuan/Puan,

IKLAN JAWATAN KOSONG BERTARAF TETAP / KONTRAK (INTERIM) DI MAJLIS DAERAH TANGKAK

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan iklan jawatan kosong bertaraf Tetap / Kontrak (Interim) di Majlis Daerah Tangkak (MDT) sebagaimana butiran di bawah untuk dipamerkan di papan kenyataan jabatan YB. Dato'/tuan/puan;

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JUMLAH KEKOSONGAN
1.	Pembantu Tadbir (P/O)	N1	Pentadbiran	1
2.	Pembantu Khidmat Am	H1	Kemahiran	1

3. Sekian untuk makluman serta tindakan pihak YB. Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERUSAHA UNTUK MAKMUR”

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD NAZID BIN JASIMAN)

Yang Dipertua

Majlis Daerah Tangkak

JKP/RY/MZbR/nmn/IklanJawatanKosong2025

FM

Sk : Setiausaha Bahagian
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 2, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad
Kota Iskandar
79100 Iskandar Puteri, JOHOR

‘KE ARAH PERBANDARAN HIJAU, BERSIH DAN SEJAHTERA’

No. Telefon : 06-9781261 / 9782226 No. Faks : 06-9782670 / 9785741

E-mel : mdtkg@johor.gov.my Laman Sesawang : <http://www.mdtangkak.gov.my>



Ruj.Fail : MDT 1/9/43 JLD.7(1)

Pemberitahuan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia Keutamaan akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :-

1. **(a) SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU TADBIR(PERKERANIAN/OPERASI)
(b) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
(c) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
(d) GRED JAWATAN : N1**
2. **JADUAL GAJI : JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM**

Minimum	RM 1,500.00
Maksimum	RM 4,680.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM 100.00

3. **SYARAT LANTIKAN :** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan,
- c. (i) Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) atau kelayakan yang diiktiraf serta setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1 : RM1,500.00) ; atau

(ii) Sijil Vokasional Malaysia(SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1 : RM1,500.00); atau

(iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia(SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00); atau

(iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00)

4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon lantikan hendaklah memiliki dua(2) kepujian termasuk subjek Bahasa Melayu dan lulus sekurang-kurangnya empat (4) subjek lain pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. **DESKRIPSI TUGAS :** Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personal, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan data dan maklumat pengendalian peralatan perhubungan / komunikasi
6. **KEKOSONGAN JAWATAN :** **1 (Satu)**
7. **TARAF JAWATAN :** **TETAP / KONTRAK(INTERIM)**
8. **PERMOHONAN :**
- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara percuma melalui laman web : www.mdttangkak.gov.my bermula tarikh : 10 Jun , 2025
 - (b) Semua permohonan hendaklah disertakan :
 - (i) Salinan kad pengenalan yang telah disahkan
 - (ii) Salinan sijil kelahiran yang telah disahkan
 - (iii) Salinan sijil-sijil persekolahan yang telah disahkan
 - (iv) 1 keping gambar berukuran passport
 - (v) Lain-lain sokongan yang telah disahkan oleh Pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dari Gred 41 dan ke atas.
 - (vi) Tuliskan nama jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan hantarkan kepada :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 TANGKAK,
JOHOR**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 23 JUN , 2025

- (c) Permohonan dari pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Kuasa-Kuasa Tempatan/Badan Berkanin hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan PERkhidmatan)2012 Peraturan 18.
- (d) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Permohonan-permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- (e) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.



Ruj.Fail : MDT 1/9/43 JLD.7(1)

Pemberitahuan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia Keutamaan akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :-

1. **(a) SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU KHIDMAT AM
(b) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN
(c) KUMPULAN PERKHIDMATAN: PELAKSANA
(d) GRED JAWATAN : H1**
2. **JADUAL GAJI : JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM**

Minimum	RM 1,500.00
Maksimum	RM 4,680.00
Kadar kenaikan gaji tahunan	RM 100.00

3. **SYARAT LANTIKAN :** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan,
- c. (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf serta setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1 : RM1,500.00) ; atau

(ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1 : RM1,500.00); atau

(iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia(SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00); atau

(iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00)

Dan

- (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas mengikut keperluan).

- (vi) Memiliki lesen memandu Kelas :
B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan(P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang meliputi oleh tugasan berkenaan.
- 4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon lantikan hendaklah memiliki dua(2) kepujian termasuk dua (2)kepujian termasuk subjek Bahasa Melayu dan lulus sekurang-kurangnya empat (4) subjek lain pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 5. DESKRIPSI TUGAS :**
- (i) Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan / jentera dibawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan / jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori dumper, roller dan tractor pertanian.
- (ii) Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat sehari-hari melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat / dokumen / saman / notis.
- (iii) Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan Kerajaan iaitu memasang, membaik pulih, menyelenggara, mengawasi serta menguji kenderaan / jentera awam dan mekanikal , pemasangan elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.
- (iv) Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dalam pejabat seperti membersihkan ruang-ruang tempat kerja kakitangan, membersihkan tandas-tandas, lobi, pantry dan lain-lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Jabatan. Pembersihan luar pejabat seperti pembersihan longkang, pokok-pokok hiasan dan lain-lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.
- (v) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.
- 6. KEKOSONGAN JAWATAN :** **1 (Satu)**
- 7. TARAF JAWATAN :** **TETAP/KONTRAK(INTERIM)**
- 8. PERMOHONAN :**
- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara percuma melalui laman web: www.mdttangkak.gov.my bermula tarikh : **10 Jun , 2025**
- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan :

- (i) Salinan kad pengenalan yang telah disahkan
- (ii) Salinan sijil kelahiran yang telah disahkan
- (iii) Salinan sijil-sijil persekolahan yang telah disahkan
- (iv) 1 keping gambar berukuran passport
- (v) Lain-lain sokongan yang telah disahkan oleh Pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dari Gred 41 dan ke atas.
- (vi) Tuliskan nama jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan hantarakan kepada :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 TANGKAK,
JOHOR**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 23 JUN , 2025

- (a) Permohonan dari pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Kuasa-Kuasa Tempatan/Badan Berkanon hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan)2012 Peraturan 18.
- (b) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Permohonan-permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- (c) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.